


Tema 12: Negaraku Jati Diriku

Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Sivik

Patriotisme



[Pendahuluan] Perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia wujud apabila semua warganegara menghayati Rukun Negara. [Isi 1] Penghayatan lebih berkesan apabila diadakan Karnival Rukun Negara yang melibatkan semua kaum.

[Contoh/Kesan]

[Isi 2] Antara aktiviti yang dijalankan seperti pameran dan jualan barangan dengan harga yang berpatutan. [Contoh/Kesan]

[Isi 3] Karnival ini juga meriah dengan kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus. [Contoh/Kesan]

[Penutup] Usaha yang dijalankan oleh kerajaan membuktikan bahawa masih ada jalan untuk merapatkan hubungan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia.

Arahan guru :

Isi tempat kosong dengan isi tersirat yang diberikan di bawah. Kemudian salin semula ulasan yang lengkap dalam buku penulisan.

Menerusi karnival ini, masyarakat dapat bertemu dan bertegur sapa sekali gus memperteguh perpaduan kaum rakyat Malaysia.

Kehadiran ramai pengunjung menguntungkan pengusaha gerai.

Pengunjung dapat memperoleh pengetahuan menerusi pameran, selain dapat membeli barangan yang dijual di situ.

JIKA ANDA BENAR-BENAR MAHU MELAKUKAN SESUATU,

ANDA KAN MENCARI JALAN,

JIKA TIDAK ANDA AKAN MENCARI ALASAN